

KATEKASE@RUMAH 2021 #3

"BERTOBATLAH, DAN PERCAYALAH KEPADA INJIL!"

(Hari Minggu Pertama Pra-Paska)

Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



Pengenalan

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang dan membuat refleksi tentang Bacaan Injil bagi Hari Minggu Pertama Pra-Paska.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaikannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Ibubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Pertama Pra-Paska.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa, kami berkumpul di sini dalam nama Yesus. Engkau memanggil kami untuk bertobat di sepanjang perjalanan musim Pra-Paska ini. Bantulah kami untuk sentiasa mendengarkan suara Yesus dan berbalik kepada-Nya. Roh Kudus, bimbinglah kami dalam pembelajaran ini. Dalam nama Yesus Kristus kami berdoa, Amin.



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari Kitab Kejadian 9:8 – 15 dan Markus 1: 12 – 15. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsi pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

Masa untuk Renungan dan Respons:

Gurun merupakan satu kawasan 'belantara', yang dipenuhi dengan kekosongan, keseorangan, dan kekeliruan. Pada waktu ini, ketika kita menghadapi ancaman pandemik Covid-19, mungkin ada antara kita yang merasakan seolah-olah kita berada dalam 'belantara' – 'terputus' dari cara hidup biasa kita, dari rakan-rakan kita, malah dari ahli keluarga kita.

Apakah situasi-situasi yang menyebabkan anda berada dalam 'belantara', terutama ketika dalam situasi sekarang?

Gurun juga merupakan satu tempat 'godaan'. Oleh kerana Yesus berasa lapar dan keseorangan, si Iblis cuba menggoda-Nya dengan makanan, kekuasaan serta sifat kebergantungan kepada diri sendiri. Iblis ingin Yesus berfikir yang Dia mampu melakukannya sendiri tanpa Allah.

Apakah contoh-contoh 'godaan' yang anda rasa atau alami hari ini? Adakah terdapat mana-mana aspek kehidupan yang anda rasa anda dapat lakukan sendiri tanpa bergantung kepada Allah?

Gurun juga merupakan tempat di mana Allah menampakkan diri-Nya pada umat-Nya. Sebagai contoh, dalam Kitab Keluaran, kita membaca bagaimana Ketika umat Israel berada dalam belantara, Allah beserta dengan mereka. Dia telah memberikan makanan dan minuman pada mereka, melindungi serta membimbing mereka.

Apakah cara Allah menampakkan diri-Nya pada anda dalam situasi sekarang ini? Adakah anda menyedari berkat rahmat-Nya serta perlindungan-Nya atas anda dan keluarga anda? Apakah perkara-perkara yang membuatkan anda bersyukur kepada Tuhan hari ini?

Kita telah membaca dalam Injil bagaimana Yesus keluar dari gurun untuk memulakan misi-Nya. Dia memanggil orang ramai untuk bertobat, yakni, mengubah hati untuk kembali kepada Allah, dan membenarkan Kerajaan Allah hadir di tempat ini. Walau apa pun yang kita rasakan pada ketika ini, Yesus memanggil kita untuk mengubah hati kita dan untuk lebih menyedari bahawa Allah ada bersama dengan kita. Semoga kita mengikut-Nya dengan lebih dekat semasa Pra-Paska ini.

AKTIVITI-AKTIVITI SUSULAN


Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada!

Aktiviti #1: Bantu Burung Merpati mencari arah menuju ke Nuh.

Noah *and the* Dove

Burung Merpati perlu membawa balik daun pokok zaitun kepada Nuh agar dia tahu air banjir sedang surut

MULA



Aktiviti #2: Gunakan kunci.

Perjanjian

Kejadian 9:8-17

Selepas kejadian banjir besar, Allah membuat perjanjian dengan Nuh.

Gunakan kunci untuk membantu anda mengisi ruang kosong ayat Kitab Suci yang dipetik dari Kejadian 9:15(AVB)



	1	2	3	4	5
1	A	B	C	D	E
2	F	G	H	I	J
3	K	L	M	N	O
4	P	Q	R	S	T
5	U	V	W	X	Y
6	Z	.	,		

CONTOH:

S A Y A
44 11 55 11

<u>K</u>	<u>A</u>	<u>S</u>	<u>I</u>	<u>H</u>
31	11	44	24	23

“maka 11 31 51 akan mengingat 41 15 43 25 11 34 25 24 11 34 -Ku

antara Aku dengan ₃₁ ₁₁ ₃₃ ₅₁ dan dengan segala jenis

33 11 31 23 32 51 31 yang bernyawa. Tidak akan berlaku lagi

air menjadi demi


_____ segala hidupan.”
33 15 33 51 44 34 11 23 31 11 34

Aktiviti #3: Selesaikan Teka Silang Kata

PELANGI LAMBANG PERJANJIAN

"Apabila muncul pelangi di awang-awangan, maka Aku akan melihatnya dan mengingati perjanjian abadi antara Allah dengan segala jenis hidupan yang ada di bumi." Kejadian 9:16

Teka silang kata berdasarkan Kejadian 9:8-17



MELINTANG

1. Planet yang kita tinggal
3. Binatang bersayap yang berbulu
5. Wap air (seakan-akan asap rupanya) yang berkelompok-kelompok melayang di udara
6. Anjing, kucing, singa dan harimau sebagai contoh

MENEGAK

1. Jumlah isipadu air yang besar naik dan meliputi permukaan tanah
2. Suatu lengkok cahaya berwarna-warni yang muncul di langit setelah hujan berhenti
3. Sebuah bot besar dimana Nuh dan keluarganya diselamatkan dari banjir
4. Perjanjian diantara dua orang untuk melakukan (atau tidak melakukan) sesuatu

AWAN
BUMI

BAHTERA
BINATANG

BANJIR
PELANGI

KONTRAK
BURUNG

Aktiviti #4: Pecahkan Kod.

PELANGI LAMBANG PERJANJIAN

"Apabila muncul pelangi di awang-awangan, maka Aku akan melihatnya dan mengingati perjanjian abadi antara Allah dengan segala jenis hidupan yang ada di bumi." Kejadian 9:16

Gantikan nombor-nombor dengan huruf-huruf



E	J	X	V	D	U	N	F	Y	P	A	T	L	S	H	B	K	Q	G	I	R	W	Z	C	O	M
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26

- 15-12-26-19 15-12-26-19 _____
- 25-12-7-23-12-7 _____
- 10-12-7-23-23-6-8 _____
- 8-12-14-9-4-19 _____
- 15-6-25-6-25 _____
- 14-19-10-9-7-25-6-24 _____
- 16-1-12 9-6-12-6-23 _____
- 10-9-21-13-6-24 _____
- 11-6-11-19 _____
- 21-9-4-12-1-6 _____

PERJANJIAN BANJIR	HANCUR BINATANG	NUH BURUNG	AWAN BAHTERA	PELANGI BUMI
----------------------	--------------------	---------------	-----------------	-----------------

Aktiviti #5: Cari Perkataan.

Godaan ke atas Yesus

Yesus, yang penuh dengan Roh Kudus, kembali dari sungai Yordan, lalu dibawa oleh Roh Kudus ke padang gurun, Di situ Ia tinggal empat puluh hari lamanya dan dicubai iblis

Pilih perkataan yang sesuai dengan maksud.



A B Y S U D U K D Y Y D D N C
M Y E Q Z T H R M O L A I G C
P E I T O R E L A R D W C H H
G R N H R J N G L D L M U A O
B U B Y U M V T A A W N B R R
Y S R C E L I L I N V S A I O
K A N U P M U L K B K I I H W
X L U A N T B P A O G L R A P
O E N B A P I A T P M B J R E
B M F A A J H N H A A I P I N
G A C T W F A O G Q P R U D G
Z C I U B F Z R Z G Q M U N U
P P I T K J G K E Z A N E T A
H A R A G N E M J K I L H U S
N L F W H M Q B T A I N M U A

ROH
KUDUS
GURUN
DICUBAI

IBLIS
HIDUP
BAIT
EMPAT PULUH

HARI-HARI
MALAIKAT
MENGARAH
KERAJAAN

YORDAN
PENGUASA
ROTI
YERUSALEM

BATU
MENYEMBAH
DUNIA
LAPAR

Aktiviti #6: Masukkan Perkataan-Perkataan yang betul

Pencubaan ke atas Yesus

Yesus, yang penuh dengan Roh Kudus, kembali dari sungai Yordan, lalu dibawa oleh Roh Kudus ke padang gurun, Di situ Ia tinggal empat puluh hari lamanya dan dicubai iblis

Pilih perkataan yang sesuai dengan maksud.

Masukkan Perkataan menurut kesesuai bentuk-bentuk kotak yang disediakan.



1.

--	--	--	--	--	--	--	--

2.

--	--	--	--	--

3.

--	--	--	--	--

4.

--	--	--	--

5.

--	--	--	--

6.

--	--	--	--	--

7.

--	--	--	--	--	--

8.

--	--	--	--	--	--	--

gurun
dicubai

lapar
batu

roti
sembah

dunia
malaikat


Aktiviti #7: Cari Perkataan.

Hari Rabu Abu



Cari perkataan yang
tersembunyi ini dan tanda
dengan dalam bentuk kotak

Salib
Prapaska
Upacara
Hukuman dosa
Paska
habuk
Palma
Abu
Berpuasa
Gereja
Doa
Dahi




Aktiviti #8: Selesaikan Teka Silang Kata.

BERITA BAIK

Setelah Yohanes dipenjarakan, Yesus pergi ke Galilea lalu mengkhabarkan Injil daripada Allah. Yesus berkata, "Sudah genap masanya dan kerajaan Allah hampir tiba. Bertaubatlah dan percayalah akan Injil ini!" Markus 1:14-15 (AVB)

Berdasarkan Markus 1: 9 – 15, 19 – 28



MELINTANG

2. Lelaki yang membaptiskan Yesus
5. Tempat dimana Allah berada
6. Cecair jernih, tidak berbau; H₂O
7. Perkataan yang ertinya berlawanan kepada jahat

MENEGAK

1. Utusan Allah
2. Sungai dimana Yesus dibaptiskan
3. Maklumat tentang peristiwa yang baru terjadi
4. Kawasan tandus yang tidak ditumbuhi sebarang tumbuh-tumbuhan

**GURUN
AIR**

**MALAIKAT
BAIK**

**SYURGA
YORDAN**

**YOHANES
BERITA**

Aktiviti #9: Cari Nama Santo-Santo dan Hari-Hari Pesta.

February Saints and Feast Days Word Search

X	H	J	P	R	E	S	E	N	T	A	T	I	O	N	Q
W	R	N	N	Z	J	V	A	G	M	G	P	R	J	F	H
W	M	W	A	E	L	T	C	E	P	R	C	H	B	C	F
Y	Q	X	R	G	I	T	T	W	A	K	M	H	W	Y	P
T	K	O	L	H	A	H	X	C	U	Z	X	T	R	R	E
R	M	T	K	O	O	T	Y	W	L	K	X	G	N	I	T
E	K	A	R	D	U	L	H	B	M	N	M	P	Z	L	E
B	B	V	I	X	O	R	B	A	I	V	K	N	R	E	R
B	Q	U	Q	P	C	Y	D	R	K	T	Z	M	S	T	D
H	S	L	M	G	R	J	Y	E	I	R	G	I	D	M	A
Q	K	Y	G	X	L	J	R	N	S	K	A	M	G	F	M
D	A	N	S	G	A	R	K	T	Z	L	P	Y	Q	T	I
C	Z	C	L	M	J	W	R	Y	B	J	X	T	T	C	A
R	R	M	S	C	H	O	L	A	S	T	I	C	A	C	N

Directions: Search only for the parts of the saints names or feast days that are in **bold print.*

St. **Blaise**

St. **Ansgar**

St. **Agatha**

St. **Paul Miki** and
Companions

St. **Jerome** Emiliani

St. Josephine **Bakhita**

St. **Scholastica**

Our Lady of **Lourdes**

St. **Cyril**

St. **Methodius**

St. **Peter** Damian

St. **Polycarp**

Presentation of the Lord

Aktiviti #10: Apakah rancangan anda untuk Pra-Paska?

Pra-Paska adalah waktu di mana kita dipanggil untuk memfokus semula dan menjalani kehidupan secara sederhana, sambil berusaha untuk lebih mendekati Tuhan, serta hidup sepertimana yang telah diajarkan oleh Yesus kepada kita. Pra-Paska memanggil kita untuk lebih fokus pada doa, puasa dan beramal.

BERDOA

Idea – Membaca Alkitab setiap hari; menetapkan suatu masa untuk berdiam dan berdoa setiap hari; berdoa untuk seseorang dari gereja/sekolah/pejabat setiap hari; menghadiri Misa Kudus sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu (tidak termasuk Hari Ahad).

BERPUASA

Idea: Tidak mengambil makanan/minuman/gula-gula kegemaran; tidak bermain komputer atau menonton TV sehari dalam seminggu; berhenti dari makan di restoran; tidak melakukan aktiviti yang membazir masa anda; fokus pada cara makanan yang sederhana di waktu pra-paska; berpuasa sehari dalam seminggu.

BERAMAL

Idea – Menjadi sukarelawan di organisasi tempatan; mengurangkan perbelanjaan/pembelian dan mendermakan bahagian tersebut kepada mereka yang memerlukan; membantu jiran atau sahabat yang memerlukan, melawat keluarga atau sahabat handai terutamanya orang-orang tua yang tidak mempunyai ramai pelawat.